

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 09 SEPTEMBER 2016

KERATAN AKHBAR

Tanah ditarah beri kesan kepada penduduk

SELAYANG - Sebanyak 60 peratus daripada tanah seluas 2.8 hektar yang ditarah dan dibangunkan di Selayang Mulia di sini telah menjejaskan struktur sekitarnya.

Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib berkata, penduduk kawasan persekitaran terutama di pangsapuri dan taman perumahan Selayang Mulia terkena kesannya setiap kali hujan.

Menurutnya, meskipun notis pemberhentian kerja telah dikeluarkan Ogos lalu, namun pihaknya berharap satu lagi notis pemulihan dapat dikeluarkan bagi mengelakkan kesan lebih buruk.

"Satu lagi notis pemulihan perlu dikeluarkan sebagai tindakan susulan kerana masih berlaku mendapan lumpur pada kawasan berhampiran.

"Tindakan pemulihan segera perlu dilakukan untuk persediaan musim hujan bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat di kawasan berkenaan," katanya kepada Sinar Harian ketika turun ke lokasi dalam Ops Lumpur bersama agensi terlibat



Tanah diusahakan oleh pemaju bersebelahan pangsapuri Selayang Mulia.

masalah Jabatan Pengairan dan Saliran dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), semalam.

Tambahnya, kerja tanah pertanian itu secara terang berlaku pelanggaran dan projek dilakukan tanpa kebenaran.

Katanya, pihaknya menerima aduan

daripada penduduk berlakunya limpahan air di jalan dan longkang sedia ada pula di penuhi mendapan.

"Jika tidak diatasi boleh memberikan impak kepada laluan aliran saluran keseluruhannya dan menyebabkan banjir lebih buruk berlaku," katanya.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800